



Anwar bersalaman dengan jemaah selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Negara, semalam.

(Foto BERNAMA)

Tunai solat jenazah ghaib untuk Haniyeh

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama lebih 2,000 jemaah, semalam menunaikan solat jenazah ghaib untuk pemimpin Hamas, Ismail Haniyeh, yang terkorban dalam serangan rejim Israel di Tehran, Iran, pada Rabu lalu.

Solat jenazah ghaib itu dilakukan usai solat Jumaat di Masjid Negara di sini, dengan diimamkan

Imam Besar Masjid Negara, Ehsan Mohd Hosni.

Solat itu turut disertai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil dan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul

Perdana Menteri dan jemaah

yang hadir turut mendengar khutbah khas sempena Hari Pahlawan bertajuk "Perjuangan Demi Nusa Tercinta".

Terdahulu, sebelum menunaikan solat Jumaat, Perdana Menteri turut meluangkan masa makan tengah hari di Pusat Penjaja Lucky Garden, Bangsar dan beramah mesra dengan penjaja serta pengunjung.